

Anwar, Putin akui potensi kerjasama Malaysia-Russia

Putrajaya -Moscow erat hubungan, teroka pelbagai bidang baharu

Daripada
Zuraimi Abdullah

di Vladivostok
(Russia)



Presiden Russia, Vladimir Putin dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju bahawa potensi sebenar dalam kerjasama di antara Malaysia-Russia belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia komited mempertingkatkan kerjasama dengan negara berkenaan dalam semua bidang.

Katanya, Malaysia berharap mempunyai hubungan yang lebih baik, sama ada kerjasama peribadi dan antara kerajaan dengan Russia.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, memberi jaminan kepada Putin, bahawa sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan, beliau akan berusaha untuk meningkatkan kerjasama kumpulan itu dengan Russia dalam semua bidang.

“Seperti yang anda tahu, ASEAN sentiasa menjalin hubungan dengan Russia dan kami mempunyai perdagangan terbuka yang memfokuskan kepada semikonduktor atau dalam beberapa bidang berkaitan,” katanya ketika pertemuan dua hala di luar Forum Ekonomi Timur (EEF) Ke-9, semalam.

Hari ini Perdana Menteri dijadual menyampaikan ucapan tama pada sesi pleno EEF.

Terdahulu, Anwar bersama delegasi Malaysia tiba di sini pagi semalam untuk lawatan kerja dua hari ke bandar raya ini yang juga pelabuhan utama di wilayah Timur Jauh Russia.

Pesawat khas membawa Perdana Menteri mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Vladivostok pada jam 8.33 pagi waktu tempatan (6.33 pagi waktu Malaysia).

Anwar diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Menteri Besar



Anwar bersama Putin pada mesyuarat dua hala di luar Forum Ekonomi Timur (EEF) Ke-9 di Vladivostok, semalam. (Foto ihsan PMO)

Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib dan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup.

Ketibaan Perdana Menteri disambut Duta Besar Malaysia ke Russia, Datuk Cheong Loon Lai, manakala bagi pihak Russia diwakili Pengarah Third Asian Department, Ludmilla Vorobieva; Timbalan Gabenor Wilayah Primorskii, Aleksei Nazdratenko dan Timbalan Datuk Bandar Vladivostok, Daria Stegnyy.

Beberapa jam selepas tiba di sini, Anwar mengadakan pertemuan dengan Timbalan Pengerusi Majlis Mufti Persekutuan Russia, Rushan Hazrat Abbyasov, yang disertai wakil diplomat Jabatan Spiritual Wilayah Timur Jauh, Jamal Sirenevich Garifulin.

Anwar menyifatkan, pertemuan yang berlangsung itu menjadi sejarah dalam hubungan umat Islam di antara kedua-dua negara, walaupun dipisahkan jarak dan benua kerana Russia mempunyai seramai 25 juta warga Muslim, lebih besar jumlahnya ketimbang Malaysia.

“Lantaran itu, ini mesti men-

jadi alasan yang kukuh betapa hubungan yang lebih erat perlu direncana dan diusahakan. Kami menyentuh mengenai sistem perbankan Islam, latihan serta pembangunan keupayaan selain pertukaran kepakaran dan kerjasama pelbagai institusi di Malaysia yakni Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Muzium Kesenian Islam, Bank Negara Malaysia dan lainnya.

“Industri halal yang terus berkembang meletakkan Malaysia di kedudukan terbaik dalam memenuhi minat mendalam Russia di sektor ini. Nilai yang dikongsi secara bersama ini akan pastinya memanfaatkan, tidak hanya warga Muslim, tetapi negara secara keseluruhannya,” katanya dalam kenyataan di media sosial selepas pertemuan itu.

Perdana Menteri menyifatkan kunjungan ke Russia kali ini, ternyata mengujakan tatkala terpacul pelbagai peluang nyata yang mampu dimanfaatkan demi kebaikan dan kesejahteraan umum.

Sementara itu, Rushan turut melahirkan rasa kagumnya yang mendalam terhadap Malaysia yang disifatkan sebagai negara Islam yang sangat maju dan banyak yang boleh dipelajari daripada Malaysia.